

# MENGAPA PAS TANGGUNG SEMA TEMPAT DI KELOLA

**PEREBUTAN** undi di Kedah bukan untuk menamatkan sama ada Barisan Nasional atau kembali berkuasa. Hakikat ini diakui oleh para penyokong-penyokong kuat PAS.

Persolannya ialah sama ada Barisan Nasional berjaya menamatkan lampiran PAS di negeri Perdana Menteri sendiri.

PAS berazam bukan sahaja untuk mempertahankan enam kerusi Dewan Undangan Negeri dan dua kerusi Parlimen yang dipganggany sebelum Dewan Negeri dan Parlimen dibubarkan tetapi juga untuk mengurangkan majoriti Barisan di kawasan-kawasan lain.

PAS yang menjadi "musuh" UMNO dalam negeri yang penduduk terdiri daripada orang Melayu dengan pertentangan asas ekoran di menurukan calon di semua 26 kawasan Negeri dan 13 kawasan Parlimen.

Pemilihan PAS menganggap langkah sebagai sebahagian daripada objektif jangka panjang "menawan" pemerintahan negeri itu walaupun kali ini mereka tidak berbuat demikian.

Objektif terdekat PAS di Kedah kali ini terbatas kepada memperkukuh kedudukan dan pengaruhnya di seluruh negeri sambil berusaha menambah bilangan kerusi Negeri dan kerusi Parlimen yang dimenangi dalam pilihanraya 1978.

Pesuruhjaya PAS Kedah, Datuk Haji Abu Bakar Umar berkata: "PAS mempunyai penyokong di seluruh negeri. Kerana itu PAS merasakan tidak wajar mengeneikan hasrat mereka hendak mengundi kami. Persoalan di sini bukanlah menang atau kalah. Yang lebih penting ialah kami tidak sepatutnya mengabaikan penyokong-penyokong kami."

Beliau memberitahu di kediamannya di Langgar, kira-kira 10 km

dari Alor Setar hujung minggu lalu, bahawa PAS ingin meneruskan tradisi berunding di semua kawasan di negeri ini.

Hanya sekali PAS tidak berbuat demikian iaitu dalam tahun 1974 ketika mereka menjadi anggota Barisan Nasional. PAS bertanding di empat kerusi Negeri dan tiga kerusi Parlimen yang diperuntukkan kepadanya.

PAS sebenarnya, selain tahun 1978, bertanding untuk semua kerusi Negeri Kedah dalam tahun 1969. Parti itu mendapat 413 peratus dari undi, memenangi tiga kerusi Parlimen dan lapan kerusi Negeri. Kemudian uruhannya mengenai isu kaum dan agama.

Dalam tahun 1978 PAS memurni apabila parti itu, meskipun memperkatakan isu agama dan kehadiran Yang Dipertuannya, Datuk Haji Mohamed Arii Muda yang bertanding untuk kali pertama kerusi Parlimen di Kedah, hanya mendapat 39.2 peratus undi dengan dua kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Negeri.

"PAS masuk ke Kedah dalam tahun 1959 dengan bertanding untuk 23 daripada 24 kerusi Dewan Undangan Negeri masa itu. Bagaimanapun, tidak seorangpun calonya

menang sedang tiga daripada mereka hilang wang perartuhan. Parti tersebut hanya mendapat 2.6 peratus undi berbanding dengan 71.1 peratus yang diperolehi Perikatan.

Dalam tahun 1964, dalam percubaannya kali kedua-duanya mendapat 3.6 peratus undi berbanding dengan 71.1 peratus yang diperolehi Perikatan.

Utuh sebabnya PAS bertanding bagi kerusi Negeri Bandar Alor Setar di mana jumlah pengundi Melayu hanya 37 peratus dan di Kulim, 43.3. PAS juga bertanding di kawasan yang kadar penduduk Melayu-bukan Melayu hampir sama seperti Tikam Batu (bukan Melayu 47.3 peratus) dan Kuala Keil (bukan Melayu 46.1 peratus).

PAS juga bertanding bagi dua kerusi Parlimen: Alor Setar dan Sungai Petani di mana pengundi Melayunya masing-masing cuma 53.5 peratus dan 53.1 peratus. Dalam semua kawasan ini, DAP turut bertanding. Perpecahan undi Melayu boleh menguntungkan DAP seperti di bandar Alor Setar (pengundi bukan Melayu hampir 22,000 berbanding kira-kira

13,000 Melayu) dan di Kulim (pengundi bukan Melayu 11,088 berbanding 8,455 Melayu).

Kehadiran DAP juga dapat menarik undi bukan Melayu dari Barisan Nasional dan yang demikian menguntungkan PAS seperti di Pangkalan Kundor (pengundi bukan Melayu 8,622 berbanding 18,495 Melayu) dan di Alor Merah (pengundi bukan Melayu 5,290 berbanding 18,108 Melayu) serta kawasan Parlimen Kuala Kedah (pengundi bukan Melayu 4,528 berbanding 18,605 Melayu).

Pandangan bahawa PAS bertentangan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir diperkuat dengan langkah melatakkan Timbalan Yang Dipertua PAS, Haji Yusof Rawah di kawasan pilihanraya Perdana Menteri, Kubang Pasu.

Beberapa PAS menegakkan bahawa Haji Yusof pernah melatakkan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam tahun 1969, tetapi sebaliknya melatakkan Datuk Seri Dr. Mahathir. Suatu pandangan mengatakan bahawa Haji Yusof sedang cuba dipalangi oleh pucuk pimpinan PAS di Kedah.

Haji Yusof, bekas Duta Malaysia ke Iran (dilantik semasa PAS



● DATUK SERI DR. MAHATHIR

dalam Barisan Nasional) dikatakan tidak berapa setuju dilekatkan kepada kerusi Negeri dan Datuk Haji Abu Bakar Umar berkata, "Mungkin ada beberapa orang yang mengundi PAS kerana mereka adalah staila. Kedua-duanya berbanding orang UMNO akan mengundi UMNO sementara orang PAS akan memilih calon parti, baik apa pun kemungkinannya."

Walaupun sudah berunding dengan kumpulan intelektual muda dalam PAS yang sedang berusaha memujuk Datuk Haji Mohamed Arii dari jawatan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusof sebenarnya telah melatakkan Datuk Haji Abu Bakar penyokong kuat dan orang kanan Datuk Seri Dr. Mahathir yang dipanggil parti tahun lalu.

Kelangan UMNO di sini berpendapat pencalonan Haji Yusof di Kubang Pasu bertentangan dengan masa depan politik dalam PAS.

Beberapa pihak UMNO berpendapat, pendapat di kalangan pucuk pimpinan PAS, antara golongan tua dan muda masih malar meskipun langkah-langkah mengastinya telah diambil.

Ini akan menguntungkan UMNO dan Barisan sekiranya UMNO juga memenangi masalah-masalah sebelum hari pembuangan undi. Sebaliknya, hubungan UMNO Kedah, Datuk Zainal Abidin Johari yang juga mengetuai Bilik Gerakan Pilihanraya di Bukit Mertajam di sini, berpendapat Barisan akan membalik kedudukan 20 kerusi yang dipganggany sebelum Dewan dibubarkan jika masalah tekek-bek tentang pemilihan calon dapat diselesaikan menjelang pilihanraya dan perpecahan pendapat dalam PAS masih tidak selesai.

Bagaimanapun, perpecahan undi di Kedah bergantung kepada pengundi yang berkecuali dan yang baru. Kedua-dua PAS dan UMNO mengulati tidak boleh memenangi hati penyokong-penyokong kuat parti lawan masing-masing dan tidak berkecuali untuk mendapatkan mereka mengubah pendirian.

Pengaruh Pilihanraya Barisan Nasional

**ESOK: NASIB ABU BAKAR OMAR DITENTU OLEH 5,000 PENGUNDI**

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia